

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 76 ● 11 - 17 SEPTEMBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) **PERCUMA**

www.wilayahku.com.my

Penyelesaian krisis air jangka panjang

KWP perlu ambil alih pengurusan air Wilayah Persekutuan

KRISIS air yang berlaku di Lembah Klang baru-baru ini nyata membangkitkan kemarahan warga kota yang selama ini bergantung dengan sumber air dari Selangor.

Walaupun ianya disebabkan oleh pencemaran sumber air di Sungai Selangor, warga kota beranggapan ianya perlu ditangani sebaiknya, malah pemantauan terhadap aktiviti di kawasan sumber air tidak dijalankan dengan sebaiknya dan ia menyumbang kepada masalah yang berlaku.

BERSAMBUNG DI MUKA 2 & 3

Selangor gagal urus air Lembah Klang >>15

The KO.PI: Pengorbanan Norbhaiti >>17

Nasi Laduni Diraja himpun 7 jenis beras dan rempah terpilih >>21

Imbas kod QR untuk tonton video berkaitan.



Laluan RoL PWTC ke Leboh Pasar Besar siap

LALUAN basikal baharu sepanjang tiga kilometer dari PWTC ke Leboh Pasar Besar di bawah projek River of Life (RoL) yang sudah siap sepenuhnya pada Julai lalu, membolehkan penunggang mahu pun pejalan kaki menikmati pemandangan Sungai Klang secara lebih dekat.

Ia merupakan sebahagian daripada 10.7 kilometer laluan basikal dari Gombak ke Mid Valley di Bangsar.

Menariknya di laluan baharu ini, penunggang bukan hanya dapat beriadah malah berpeluang mempelajari sejarah setempat.

BERITA PENUH DI MUKA 9, 10, 11



Wetland boleh jadi sumber air baharu

DARI MUKA HADAPAN

Oleh AZLAN ZAMBRY
Foto NAZIRUL ROSELAN

Meskipun Syarikat Air Selangor Sdn. Bhd., syarikat pengurusan sumber air bertindak menghantar lori bekalan air ke seluruh kawasan yang terjejas, namun ia tiada jaminan isu tersebut akan diselesaikan secara tuntas.

Bagi menyelesaikan isu bekalan air di Wilayah Persekutuan, antara cadangan yang sedang diteroka adalah untuk mewujudkan perbadanan urus air oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dilihat sebagai alternatif bagi menyelesaikan krisis tersebut untuk jangka masa panjang.

Pensyarah Jabatan Sains Alam Sekitar, Fakulti Pengajian Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Profesor Dr Ahmad Zahrin Aris** berkata, cadangan itu disuarakan setelah melihat



AHMAD ZAHIRIN

keperluan dalam tempoh jangka masa panjang ekoran pencemaran sumber air di Sungai Selangor sehingga memberikan kesan kepada pengguna di ibu kota baru-baru ini.

“Cadangan itu perlu dilihat positif walaupun ia melibatkan perbelanjaan yang tinggi dan memerlukan pengurusan yang mahir mengenai selok belok pengurusan air.

“Ia turut menjadi keperluan agar krisis air yang sering melanda sebelum ini dapat ditangani agar pengguna di Wilayah Persekutuan dapat menikmati kehidupan yang lebih baik,” katanya kepada *Wilayahku* baru-baru ini.

KERAJAAN URUS AIR

Menurut Ahmad Zahrin, secara prinsipnya, pengurusan bekalan air bersih harus diletakkan di bawah tanggungjawab kerajaan dan ia tidak sesuai untuk diwastakan.

“Air merupakan perkara yang perlu diletakkan di bawah kawalan kerajaan dan keselamatan negara turut bergantung kepada sumber air.

“Negara-negara maju seperti Singapura, Israel dan Belanda, mereka mempunyai pengurusan yang mantap bagi mengawal selia keselamatan sumber air.

“Mereka juga akan memastikan sumber air sentiasa mencukupi kerana ia melibatkan kestabilan negara bagi menjamin kestabilan ekonomi agar ia tidak



PENDUDUK yang terjejas mendapatkan bekalan air bersih melalui lori tangki yang dihantar ke kawasan-kawasan tertentu.

menimbulkan kesan negatif terhadap sosial dan ekonomi sesebuah negara,” katanya.

Kata Ahmad Zahrin lagi, kekangan terbesar kerajaan bagi melaksanakan projek ini adalah mendapatkan kawasan yang sesuai terutama di ibu kota untuk menyediakan kawasan tadahan air dan pembinaan loji rawatan air.

“Kerajaan berdepan dengan kesukaran kerana banyak kawasan di Kuala Lumpur telah dibangunkan dengan zon perindustrian, zon perumahan dan zon komersial,

“Sekiranya kerajaan telah mengenal pasti kawasan tadahan air, mereka perlu membangunkan zon penampungan terlebih dahulu dan ia perlu jauh dari kawasan perindustrian.

“Sekiranya berlaku pencemaran, zon penampungan ini dapat memastikan bahan pencemar tidak menganggu dan mengalir ke dalam kawasan sumber air tersebut,” katanya.

Menurut Ahmad Zahrin, faktor ketiadaan kawasan yang sesuai menyebabkan kerajaan perlu bergantung kepada kawasan tadahan yang lain dan ia melibatkan faktor geografi dan jarak di kawasan itu.

“Sekiranya ia melibatkan kawasan yang jauh, maka ia melibatkan kos pembinaan yang tinggi termasuk membina sistem perpaipan dan penggantian sistem perpaipan untuk penyambungan air.

“Kerajaan juga perlu menyediakan teknologi perawatan air tercemar yang canggih dan maju dan melibatkan kos yang mahal kerana ia digunakan untuk merawat air yang mengandungi bahan kimia yang mudah melarut.

“Dengan menggunakan te-

“Salah satu rancangan jangka masa panjang adalah menggunakan sumber air daripada Putrajaya Wetland selain meneroka sumber air baharu termasuk air bawah tanah bagi menampung keperluan pengguna di masa hadapan.

-AHMAD ZAHIRIN ARIS-

knologi yang canggih, ia seterusnya menambahkan kos operasi loji rawatan air tersebut dan pasti akan meningkatkan tarif air kepada pengguna,” katanya.

SUMBER AIR ALTERNATIF

Ahmad Zahrin memberitahu, salah satu rancangan jangka masa panjang adalah menggunakan sumber air daripada Putrajaya Wetland selain meneroka sumber air baharu termasuk air bawah tanah bagi menampung keperluan pengguna di masa hadapan.

“Untuk kawasan Putrajaya, ia mempunyai kawasan Wetland yang diiktiraf terbaik di dunia dan mempunyai sumber air yang mencukupi untuk menampung penduduk di kawasan itu.

“Malah sudah ada cadangan untuk menggunakan sumber air alternatif daripada kawasan itu apabila berlaku pencemaran, namun ia sudah pasti memerlukan proses rawatan sebelum diedar kepada pengguna.

“Malah negara kita kaya dengan sumber air yang belum diteroka sepenuhnya seperti air bawah tanah yang ketika ini hanya diteroka kurang dari 10 peratus untuk kegunaan jangka masa panjang,” katanya.

Kata Ahmad Zahrin, pembinaan sebuah loji rawatan air bergantung kepada jumlah peng-



BEBERAPA penduduk sedang menyalurkan air dari lori tangki yang dibekalkan pihak Air Selangor Sdn. Bhd. ketika gangguan bekalan air.



PUTRAJAYA Wetland merupakan salah satu sumber air alternatif yang boleh digunakan pada masa depan.

guna bagi menentukan jumlah kos awal bagi membangunkan projek ini.

“Sebagai contoh, sekiranya syarikat ini mensasarkan kepada lima juta pengguna, secara kasarnya perkiraan kos itu berdasarkan kepada jumlah pengguna.

“Ia juga bergantung kepada jenis teknologi yang digunakan dan secara anggaran, kos yang dikenakan adalah RM10,000 untuk seorang pengguna dan di darabkan dengan lima juta pengguna dan ia mungkin menjadi kos anggaran akhir untuk mewujudkan sebuah loji rawatan air di sesebuah kawasan,” katanya.

LIHAT AKTA SPAN

Ahmad Zahrin berkata, isu air merupakan sesuatu yang kompleks dan ia perlu melihat kepada Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) yang memantau bagi pihak Kerajaan Persekutuan.

“Setiap pihak berkuasa negeri mempunyai syarikat bekalan air tersendiri. Pembekalan sumber air pula bergantung kepada undang-undang yang berkaitan dengan sesebuah negeri teru-

tama berkaitan dengan syarat guna tanah.

“Dari segi perkongsian, apa yang telah diamalkan sebelum ini seperti di Empangan Sungai Langat di Selangor, ia sangat signifikan kerana merentas tiga buah negeri iaitu Negeri Sembilan, Pahang dan Selangor,” katanya.

Jelasnya lagi, perentasan negeri ini sebenarnya akan menjadi lebih kompleks kerana akan wujud pertikaian terhadap tanggungjawab dan sebagainya.

“Dalam isu yang berlaku ketika ini, Kerajaan Negeri Selangor dipersalahkan kerana tidak mempunyai pengawasan dan kawalan yang sistematik untuk memantau menyebabkan penduduk di Kuala Lumpur turut terjejas.

“Dari segi tanggungjawab, sudah pasti pihak yang mempunyai kawasan tadahan seharusnya mempunyai tanggungjawab yang lebih besar.

“Sekiranya kawasan tadahan air itu terletak di Selangor seperti ketika ini, maka pihak berkuasa tempatan perlu bertindak selaras dengan undang-undang sekiranya berlaku ancaman terhadap sumber air,” katanya. **W.K**

Gangguan bekalan air: Annuar komited cari penyelesaian jangka panjang

SEPERTI bermusim, setiap tahun penduduk Lembah Klang terpaksa berhadapan dengan situasi gangguan bekalan air bersih sehingga ada yang tidak mandi untuk ke pejabat.

Tidak mahu ianya berpanjangan Menteri Wilayah Persekutuan, **Tan Sri TPr Annuar Musa** komited untuk mencari penyelesaiannya.

Antara pilihan yang boleh diteroka adalah penubuhan perbadanan air khusus untuk Wilayah Persekutuan (WP) untuk menyegerakan penyelesaian masalah bekalan air di ibu negara.

Annuar berkata, gangguan bekalan air yang terlalu kerap di ibu kota memerlukan penyelesaian jangka

panjang pada kadar segera.

“Satu penyelesaian jangka panjang perlu dicari termasuk WP mempunyai perbadanan airnya sendiri serta membina sistem ‘back up’ atau alternatif bekalan untuk jangka panjang.

“Tindakan ke arah itu perlu segera diterokai,” katanya.

Terdahulu, Annuar memuat naik kenyataan di laman Twitter berkaitan isu air dengan keperluan meminda undang-undang ba-

gi mengenakan hukuman lebih berat kepada pihak yang menjadi punca krisis air berlaku.

“Pihak yang sengaja mence-mari punca air termasuk sungai dan empangan, ibarat percubaan meracun dan membunuh, apa lagi kes berulang.

“Kita pinda undang-undang supaya hukuman berat diken-



KAWASAN tadahan air harus dikawal dengan baik agar tiada pencemaran berlaku.

kan,” katanya.

Kenyataan beliau dibuat ketika mengulang kicau laporan

media berhubung tindakan yang sudah diambil pihak berkuasa terhadap pemilik kilang yang

menyebabkan pencemaran Sungai Selangor sehingga membawa kepada gangguan bekalan air di Lembah Klang.

Lebih 1.2 juta akaun pengguna di tujuh wilayah sekitar Lembah Klang kini terjejas sejak Khamis berikutan henti tugas empat loji rawatan air (LRA) Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan Rantau Panjang susulan pencemaran yang berpunca dari sebuah kilang.

Difahamkan, kilang yang menjadi punca pencemaran Sungai Selangor itu juga pernah dikompaun susulan melakukan kesalahan sama sebelum ini.

Menyifatkan perbuatan pihak yang sengaja mencemarkan sumber air seperti perbuatan cuba meracun atau membunuh Annuar berkata, wujud keperluan undang-undang sedia ada dipinda bagi membolehkan hukuman lebih keras dikenakan ke atas jenayah sedemikian. **W K**

KWP diminta tubuh syarikat urus air Wilayah Persekutuan

RENTETAN masalah gangguan bekalan air yang sering membelenggu pengguna di Lembah Klang terutama Kuala Lumpur dan Putrajaya, Kementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan syarikat pengurusan airnya sendiri.

Timbalan Ketua UMNO Setiawangsa, **Datuk Mohd Irwan Rizal Mohd Ali Napiiah** berkata, langkah ini dilihat dapat meringankan beban Kerajaan Negeri Selangor yang pada masa ini perlu menguruskan keseluruhan perkhidmatan air.

“Kerajaan Negeri melalui Syarikat Air Selangor perlu menguruskan perkhidmatan air dari peringkat rawatan

sehingga pengagihan kepada lebih 7.5 juta penduduk di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.



MOHD IRWAN

“Pengurusan pembekalan air yang efisien adalah penting dan Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa diminta untuk memberikan perhatian dan mengambil tindakan segera untuk menubuhkan Syarikat Pengurusan Air Wilayah Persekutuan,”

“Syarikat itu nanti perlu menguruskan perkhidmatan pembekalan air kepada seluruh kawasan liputannya agar rakyat keseluruhan mendapat manfaat yang terbaik,”

katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Kata Mohd Irwan, pada masa ini bekalan air ke seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Negeri Selangor diuruskan sepenuhnya oleh Syarikat Air Selangor.

“Adalah wajar bagi setiap negeri menguruskan pembekalan airnya sendiri, kenapa tidak Wilayah Persekutuan? Sedangkan negeri Perlis mampu menubuhkan Syarikat Air Perlis untuk menguruskan perkhidmatan bekalan airnya sendiri.

“Saya percaya Wilayah Persekutuan mampu melakukan tugas yang lebih baik apabila perkhidmatan yang lebih khusus dapat diberikan berbanding pada masa ini,” katanya.

Tegasnya lagi, selaras dengan Akta

Industri Perkhidmatan Air 2006, Kerajaan Persekutuan yang mempunyai kuasa eksekutif terhadap segala perkara yang berhubungan dengan bekalan air disarankan untuk menyelesaikan isu ini.

“Menteri Wilayah Persekutuan, Menteri Alam Sekitar dan Air, serta Menteri Besar Selangor perlu duduk semeja dan ketepikan perbezaan fahaman politik masing-masing.

“Ia untuk membincangkan serta menyelesaikan isu ini demi kepentingan dan kesejahteraan rakyat,” katanya.

Katanya lagi, dengan wujudnya perkhidmatan ini, ianya dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada warga Wilayah dan sekaligus dapat meningkatkan taraf kualiti hidup mereka. **W K**

Sultan Selangor dukacita, utus surat pada Amirudin

SULTAN Selangor **Sultan Sharafuddin Idris Shah** menzahirkan rasa dukacita dengan impak yang ditanggung rakyat negeri ini ekoran gangguan bekalan air tidak berjadual di beberapa kawasan sejak Khamis lepas.

Istana Selangor dalam kenyataan memberitahu, Sultan Sharafuddin mengutus surat kepada Menteri Besar

Selangor **Datuk Seri Amirudin Shari** supaya mengambil beberapa tindakan berhubung isu berkenaan kerana baginda khuatir sekiranya masalah air berterusan, rakyat akan memberontak dan boleh mengakibatkan ketegangan seterusnya menjejaskan keharmonian sosial.

Antara inti pati surat berkenaan adalah baginda mahu

tindakan penguatkuasaan lebih tegas diambil bagi memastikan rumah serta kilang terutama kilang haram berhampiran tebing sungai mesti dirobuhkan kerana berpotensi mencemari anak sungai dan sungai di Selangor.

Kenyataan itu memaklumkan, baginda telah lama menitahkan supaya satu jawatankuasa khas ditubuhkan

kerajaan negeri untuk memantau dan memastikan sungai tidak dicemari dengan bahan kimia atau sampah hingga boleh menjejaskan bekalan air mentah kepada loji rawatan.

Baginda mahu undang-undang lebih tegas dilaksanakan segera terhadap pencemar sungai dengan penalti lebih berat dikenakan termasuk ke atas pencemar

alam sekitar khususnya sumber air dan mereka yang terbukti bersalah hendaklah dihukum penjara mandatori serta denda maksimum.

Tambah kenyataan itu, baginda juga tidak berkenan wujudnya unsur campurtangan politik dalam penguatkuasaan isu berkaitan alam sekitar dan pencemaran sungai. **W K**